



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### C. MYSUBSIDI DIESEL – Syarikat Pengangkutan Awam Darat dan Pengangkutan Barangan Darat

#### Pengenalan

#### 1. Apakah itu MySubsidi Diesel?

**MySubsidi Diesel** ialah sebuah platform untuk memusatkan permohonan Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS). Sistem ini dibuka kepada **syarikat dan badan pengangkutan awam darat serta pengangkutan barang darat** berkelayakan untuk **membeli diesel bersubsidi** daripada syarikat-syarikat pengendali stesen minyak terpilih. SKDS telah dibangunkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk membantu mengurangkan risiko kenaikan kos operasi syarikat-syarikat berkelayakan yang akan menjurus kepada kenaikan harga barang keperluan.

#### 2. Apakah itu Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0)?

SKDS 2.0 merupakan sebuah program **penyasaran subsidi diesel** di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Di bawah program ini, **kenderaan pengangkutan awam darat** berkelayakan boleh memohon untuk mendapat *fleet card* untuk membeli diesel pada harga subsidi RM2.15 seliter. Terdapat 23 jenis kenderaan pengangkutan barang darat yang layak di bawah SKDS 2.0.

#### Permohonan Pembayaran Semula Tunai SKDS 2.0

#### 3. Mengapa adakan Pembayaran Semula Tunai?

Susulan pengapungan harga minyak diesel di stesen-stesen minyak Semenanjung Malaysia pada 10 Jun 2024, Kerajaan telah membangunkan mekanisme pembayaran semula tunai interim. Kemudahan ini terbuka hanya kepada pemilik kenderaan logistik berkelayakan yang sudah diluluskan permohonan mereka di bawah SKDS 2.0 tetapi

masih belum mendapat *fleet card* selepas mengaju permohonan kepada syarikat pengendali stesen minyak terpilih.

Dengan pembayaran semula tunai ini, syarikat-syarikat perkhidmatan logistik berkecayaan boleh menuntut semula perbelanjaan tambahan bagi minyak diesel mereka bermula 10 Jun 2024 sehingga menerima *fleet card* atau bagi tempoh maksimum dua bulan, mana-mana yang terdahulu.

#### **4. Bilakah permohonan Pembayaran Semula Tunai akan dibuka?**

Permohonan Pembayaran Semula Tunai dibuka pada **1 Julai 2024**.

#### **5. Apakah syarat kelayakan untuk memohon Pembayaran Semula Tunai?**

Syarat kelayakan untuk memohon Pembayaran Semula Tunai adalah seperti berikut:

##### **a) Pemohon:**

Pemilik kenderaan logistik berkecayaan yang **belum menerima *fleet card*** namun telah:

- i. Menerima kelulusan** daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi permohonan di bawah **Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 sebelum atau pada 30 Jun 2024, tetapi masih belum menerima *fleet card***; dan
- ii. Menghantar permohonan *fleet card* kepada syarikat pengendali stesen minyak sebelum atau pada 15 Julai 2024.**

##### **b) Tempoh permohonan Pembayaran Semula Tunai:**

Penuntut akan diberi bayaran semula secara tunai sebanyak RM1.20 seliter, iaitu perbezaan antara harga runcit diesel pada RM3.35 seliter dan harga SKDS 2.0 sebanyak RM2.15 seliter. Tuntutan adalah untuk minyak diesel yang digunakan sejak 10 Jun 2024, iaitu tarikh permulaan pengapungan harga diesel di stesen-stesen minyak Semenanjung Malaysia, sehingga penuntut menerima *fleet card* atau bagi tempoh maksimum dua bulan, mana-mana yang terdahulu. Sila rujuk kepada Soalan 6 untuk had kuota minyak diesel mengikut kategori kenderaan.

**c) Siling Tuntutan Bulanan\*:**

Permohonan tertakluk kepada had **tuntutan bulanan isipadu minyak diesel** mengikut kenderaan yang ditetapkan dan **resit asal pembelian diesel hendaklah disimpan** bagi tujuan audit.

**6. Apakah siling mekanisme bayaran balik bagi kenderaan yang layak memohon Pembayaran Semula Tunai?**

Siling tuntutan mekanisme bayaran balik mengikut jenis kenderaan ditetapkan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kod Jenis Badan</b>	<b>Jenis Kenderaan</b>	<b>Siling Tuntutan (Liter Sebulan)</b>	<b>Jumlah Maksimum Tuntutan (RM1.20 seliter; perbezaan antara RM3.35 dan RM2.15 seliter)</b>
1	PGU	Penggerak Utama	6,999	8,400
2	AVE	Articulated Vehicle	6,999	8,400
3	LRA	Lori Rigid – Kargo Am	5,999	7,200
4	LRB	Lori Rigid – Minuman Botol	3,999	4,800
5	LRL	Lori Rigid – Luton/Kotak	3,999	4,800
6	LRR	Lori Rigid - Refrigerated	3,999	4,800
7	LTA	Lori Tangki Air	3,999	4,800
8	LTT	Lori Tangki Tepung	3,999	4,800
9	VAN	Window Van	2,999	3,600
10	VAP	Panel Van	2,999	3,600
11	VAS	Semi – Panel Van	2,999	3,600
12	JIP	Jip	2,999	3,600
13	PIC	Pick-up	2,999	3,600
14	LRK	Lori Rigid – Kombinasi	3,999	4,800
15	LCS	Lori Rigid – Curtainsider	3,999	4,800
16	LHP	Lori Rigid – Hasil Pertanian	3,999	4,800
17	LRH	Lori Rigid – Kandang Haiwan	3,999	4,800
18	LRO	Lori Rigid – Open Platform	3,999	4,800
19	LTC	Lori Tangki Rigid – Minuman	3,999	4,800
20	VFC	Van Food Catering	3,999	4,800
21	BFC	Bas Food Catering	3,999	4,800
22	LFC	Lori Food Catering	3,999	4,800
23	VMS	Van Perkhidmatan Bergerak	3,999	4,800
24	BAP	Bas Perkhidmatan Bergerak	3,999	4,800
25	LRP	Lori Rigid – Perkhid. Bergerak	3,999	4,800
26	LRS	Lori Rigid - Sampah	3,999	4,800

**7. Syarikat saya mempunyai dua kenderaan yang layak untuk memohon Pembayaran Semula Tunai, bagaimanakah cara untuk memohon?**

Pemohon perlu menekan butang “tambahan kenderaan” untuk menambah bilangan kenderaan.

**8. Bolehkah saya daftar gunakan Nombor MyKad sendiri tetapi tuntutan ini dibuat bagi pihak syarikat yang diluluskan di bawah SKDS2.0?**

Pendaftaran akaun perlu dibuat dengan menggunakan nombor MyKad pemohon dan maklumat syarikat akan dimasukkan semasa permohonan dibuat. Pendaftaran perlu dibuat atas nama individu kerana pengesahan permohonan dibuat atas nama individu yang memohon. Individu yang boleh membuat permohonan ialah wakil syarikat pemohon yang telah dilantik untuk membuat permohonan

**9. Terdapat ruangan dalam borang permohonan untuk jumlah tuntutan, apakah yang perlu saya masukkan?**

Jumlah tuntutan yang perlu dimasukkan bagi setiap resit/transaksi ialah RM1.20 bagi setiap liter minyak diesel yang digunakan sejak 10 Jun 2024. Nilai ini merupakan perbezaan antara harga runcit diesel mutakhir iaitu RM3.35 seliter dan harga SKDS 2.0 sebanyak RM2.15 seliter, bagi diesel yang digunakan sejak 10 Jun 2024

**10. Siapakah yang layak menuntut mekanisme pembayaran balik ini?**

Pembayaran balik tunai ini terbuka kepada pengusaha perkhidmatan logistik yang memiliki mana-mana daripada 23 jenis kenderaan pengangkutan barang di bawah SKDS 2.0, di mana permohonan mereka untuk menyertai SKDS 2.0 telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) sebelum atau pada 30 Jun 2024, namun masih menunggu pertimbangan untuk mendapat *fleet card*.

**11. Adakah syarikat kami boleh membuat tuntutan Pembayaran Semula Tunai berdasarkan jumlah keseluruhan bil penggunaan diesel kami bagi bulan Jun 2024?**

Tuntutan Pembayaran Semula Tunai hanya boleh dibuat untuk RM1.20 bagi setiap liter yang digunakan sejak 10 Jun 2024, iaitu tarikh mula pengapungan minyak diesel di stesen minyak Semenanjung Malaysia. Nilai ini merupakan perbezaan antara harga

runcit diesel mutakhir iaitu RM3.35 seliter dan harga subsidi SKDS 2.0 iaitu RM2.15 seliter. Tuntutan ini juga tertakluk kepada isipadu siling tuntutan bulanan kenderaan.

## **12. Bagaimanakah cara untuk menyemak sama ada syarikat kami layak untuk menerima Pembayaran Semula Tunai?**

Status kelayakan bagi Pembayaran Semula Tunai akan dimaklumkan selepas pemohon selesai membuat permohonan melalui portal rasmi BUDI MADANI di <https://budimadani.gov.my>.

## **13. Bagaimanakah cara untuk memohon Pembayaran Semula Tunai?**

Permohonan Pembayaran Semula Tunai adalah terhad secara dalam talian melalui portal rasmi BUDI MADANI di <https://budimadani.gov.my> dengan kaedah berikut:

- a) Daftar akaun pengguna dan laksanakan verifikasi akaun.
- b) Pada papan pemuka (dashboard) klik pada butang Rayuan – Permohonan Bayaran Balik SKDS2.0
- c) Masukkan maklumat pemohon seperti berikut:
  - (1) Nama Syarikat
  - (2) No. SSM (Baru/Lama)
  - (3) No. MySubsidi
  - (4) No. Pendaftaran Kenderaan
  - (5) No. Telefon Bimbit Wakil Syarikat
  - (6) Nama Bank Syarikat
  - (7) No. Akaun Bank Syarikat
  - (8) Alamat e-mel Wakil Syarikat
- d) Maklumat Tuntutan adalah seperti berikut:
  - (1) Tarikh
  - (2) Masa Transaksi
  - (3) No. Resit
  - (4) Nama Stesen Petrol
  - (5) Jumlah pembelian diesel (liter)
  - (6) Jumlah tuntutan (RM) (RM1.20 seliter, iaitu perbezaan harga antara RM3.35 seliter dan RM2.15 seliter bagi setiap transaks

**14. Berapa lamakah proses pembayaran semula akan mengambil masa selepas membuat tuntutan?**

Pembayaran semula tunai akan disalurkan dalam 15 hari bekerja bagi setiap tuntutan yang diluluskan.

Pemohon boleh menyemak status permohonan dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*) pemohon.

**Pembayaran Semula Tunai**

**15. Bagaimanakah kaedah pembayaran Pembayaran Semula Tunai ini akan dibuat?**

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank yang berdaftar dalam sistem BUDI MADANI.

**16. Setelah mendapat kelulusan permohonan, apakah tempoh yang akan diambil untuk menyalurkan Pembayaran Semula Tunai tersebut?**

Maklumat lanjut berkenaan penyaluran Pembayaran Semula Tunai akan dikemas kini dari semasa ke semasa, Pemohon juga boleh merujuk kepada status terkini permohonan dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*).

**17. Bilakah tarikh pengkreditan Pembayaran Semula Tunai akan dibuat?**

Pembayaran semula tunai akan disalurkan ke akaun bank pemohon dalam 15 hari bekerja bagi setiap tuntutan yang diluluskan. Maklumat lanjut berkenaan tarikh pengkreditan Pembayaran Semula Tunai akan dikemas kini dari semasa ke semasa dan boleh diperolehi dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*) pemohon.

**18. Jika saya lewat mendaftar dari tarikh permohonan dibuka, adakah saya menerima bayaran Pembayaran Semula Tunai untuk bulan-bulan sebelumnya?**

Program Pembayaran Semula Tunai hanya dibuka bagi **tempoh permohonan program SKDS** bagi bulan **Jun dan Julai 2024**, bagi tuntutan mulai **10 Jun** sehingga menerima *fleet card* atau bagi tempoh maksimum dua bulan, mana-mana yang terdahulu.

## Kelayakan Pembayaran Semula Tunai

**19. Saya gagal untuk mendaftar bagi program Pembayaran Semula Tunai, di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?**

Sekiranya pemohon gagal mendaftar atau menerima keputusan berstatus tidak lulus, ini bermaksud pemohon tidak memenuhi syarat kelayakan Pembayaran Semula Tunai. Syarat kelayakan adalah seperti tertera di Soalan 5.

**20. Saya memiliki syarikat perdagangan dan belum menerima *fleet card* melalui program SKDS 2.0. Adakah saya layak memohon Pembayaran Semula Tunai?**

Syarikat anda layak mendapat Pembayaran Semula Tunai sekiranya syarikat anda telah mendapat kelulusan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 selewat-lewatnya 30 Jun 2024 dan telah memohon *fleet card* daripada syarikat minyak sebelum atau pada 15 Julai 2024.

**21. Syarikat saya telah membuat permohonan *fleet card* melalui program SKDS 2.0 tetapi belum mendapat sebarang kelulusan. Adakah syarikat saya layak mendapat permohonan Pembayaran Semula Tunai?**

Syarikat anda tidak layak mendapat Pembayaran Semula Tunai memandangkan syarikat anda belum mendapat kelulusan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0. Salah satu syarat kelayakan yang ditetapkan untuk Pembayaran Semula Tunai ini adalah pemohon perlu menerima kelulusan di bawah SKDS 2.0 daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada atau sebelum 30 Jun 2024, dan telah memohon *fleet card* daripada syarikat pengendali stesen minyak terpilih pada atau sebelum 15 Julai 2024.



## **22. Apakah proses verifikasi yang perlu dilakukan untuk memohon Pembayaran Semula Tunai?**

Sebaik sahaja permohonan diterima dan semakan butiran permohonan telah dibuat, ia akan disemak silang dengan data KPDN untuk memastikan kelulusan di bawah SKDS 2.0 telah diberikan pada atau sebelum 30 Jun 2024. Syarikat pengendali stesen minyak terpilih juga akan dirujuk untuk mengesahkan penuntut telah menghantar permohonan untuk *fleet card* selewat-lewatnya pada 15 Julai 2024. Semakan juga akan memastikan tuntutan pembayaran balik oleh pemohon adalah untuk tempoh bermula 10 Jun 2024 sehingga penuntut menerima *fleet card*.

### **Pertanyaan Lanjut**

## **23. Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung Pembayaran Semula Tunai?**

Pertanyaan boleh dipanjangkan ke Pusat Panggilan Bantuan Khas Kerajaan (BKK) HASiL bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat di talian berikut:

- (1) **Talian (BKK HASiL):** 1-800-88-2747
- (2) **Talian BUDI MoF:** 03-8882 4566 / 4565
- (3) **Alamat e-mel :** [budimadani@treasury.gov.my](mailto:budimadani@treasury.gov.my)

Pertanyaan berkaitan MySubsidi Diesel pula boleh dipanjangkan ke Pusat Panggilan SKDS mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat di talian berikut:

- (1) **Pusat Panggilan SKDS:** 03-8882 6769
- (2) **Alamat e-mel :** [mysubsididiesel@kpdn.gov.my](mailto:mysubsididiesel@kpdn.gov.my)